


FOTO | Khairull Azry Bidin



INI DIA...Piarapakan menunjukkan laman web yang dilancarkan.

## Laman web kira penggunaan elektrik, kawal karbon dioksida

**K**UALA LUMPUR: Dalam usaha mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan mengawal pelepasan gas karbon dioksida, Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (Awer) melancarkan laman web 'Click to Low Carbon Lifestyle-Click d Thief'.

Presidennya, Piarapakan Subramaniam berkata, laman web yang dilancarkan semalam itu berfungsi sebagai alat pengiraan yang akan menunjukkan bacaan tenaga elektrik pengguna domestik dan komersial.

"Laman web yang fokus kepada pengguna domestik

ini membantu pengguna untuk mengetahui kadar bacaan tenaga daripada penggunaan barangan elektrik di rumah.

"Ia sekali gus membolehkan pengguna mengekalkan penjimatan elektrik di samping dapat mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida yang mencemarkan alam sekitar," katanya selepas melancarkan laman web berkenaan.

Beliau berkata, laman web itu dihasilkan atas kesedaran pihaknya yang prihatin terhadap tahap penggunaan peralatan elektrik berlebihan.